

Headline

**Minuman kaya bahan antioksidan**

Date

**20 Jul 2009**

MediaTitle

**Harian Metro**

Section

**Bisnes**

Journalist

**Fairul Asmaini Mohd Pilus**

Frequency

**Daily**

ADValue

**5,891**

Language

**Malay**

Page No

**24**

Article Size

**274 cm<sup>2</sup>**

Color

**Full Color**

PRValue

**17,674**

# Minuman kaya bahan antioksidan

Jus Manggis Shamelin turut diperkaya ekstrak buah-buah lain

>>Oleh Fairul Asmaini  
Mohd Pilus  
asmaini@NSTP.com.my

**S**HAMELIN Bina Sdn Bhd, anak syarikat Koperasi Shamelin Bhd memperkenalkan minuman kesihatan, Jus Manggis Shamelin yang kaya bahan antioksidan dan Xanton.

Perunding Kesihatan Rawan Alaf Harmoni, Dr Zety Jani, berkata minuman itu dihasilkan menggunakan manggis (isi dan kulit) atau nama saintifiknya, Garcinia Mangostana sepenuhnya dan



kandungan antioksidan ini sudah dikaji penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Menurut Dr Zety, selain manggis, minuman penuh khasiat itu turut mengandungi ekstrak acai, estrak biji anggur, estrak delima, puri

rosele serta jus epal.

Katanya, kombinasi berharga daripada sumber alam semula jadi itu menyumbang kepada kandungan bahan antioksidan serta Xanton (komponen aktif biologik) yang dapat membantu mengatasi pelbagai masalah kesihatan terutama berkaitan penyakit barah.

"Setiap orang mempunyai sel barah sama ada aktif atau tidak saja.

"Namun, dengan pengambilan minuman ini dapat membantu mengurangkan perkembangan sel barah ber-

kenaan dan pada masa sama, mengatasi pelbagai masalah kesihatan lain seperti resding, mengurangkan kadar kolestrol, antipenuaan, sembelit, melindungi jantung, insomnia, osteoporosis, senggugut, demam, sakit kepal serta penyakit berkaitan mata," katanya.

Selain itu, Dr Zeti berkata, pesakit kronik disarankan makan minuman berkenaan sebotol sehari manakala bagi mereka yang menghidap diabetes, sebaiknya menghabiskan sebotol dalam masa tiga hari.



**HALAL..**Dr Zeti menunjukkan Jus Manggis Shamelin.

"Minuman ini 100 peratus buatan Malaysia dan tidak mengandungi gula tambahan (seumur hidup) dan halal dan sesuai untuk maklumat lanjut, hubungi semua peringkat umur.

"Ia boleh didapati dengan

harga RM260 untuk enam botol termasuk yuran keahlian (seumur hidup) dan maklumat lanjut, hubungi 0123250499 atau 0193802880," katanya.